

MUSA MENANG

Majoriti 205 undi

■ LIPUTAN sekitar Perhimpunan Agung UMNO Malaysia ke-38 oleh NORDIN MOHAMMAD, ZAINUDDIN AYIP, JAMALUDDIN ABU BAKAR, JAMILAH HAMID, YUNUS ALIAS, MIOR KAMARULLAH, ASARI IBRAHIM dan AHMAD PUAD ONAH.

Gambar-gambar Berita Harian oleh YUSOF OMAR, MOHAMAD YUSOF, KHALED REDZA dan C.H.LOH.

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Musa Hitam terpilih sebagai Timbalan Presiden UMNO Malaysia.

Bellau menang dengan majoriti 205 undi bagi menggantikan tempat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Datuk Musa mendapat 722 undi manakala Tengku Razaleigh Hamzah mendapat 517 undi. Lima saja undi rosak dari jumlah 1,244 undi. Pengumuman ini dibuat pada jam 6.15 petang oleh Pengerusi Tetap Perhimpunan Agung UMNO Malaysia, Senator Datuk Sulaiman Nizam Shah dengan mendapat tepukan gemuruh dari para perwakilan.

Kedua-dua tokoh kelihatan tenang saja semasa pengumuman itu dibuat. Tiga puluh lima orang anggota Majlis Tertinggi UMNO juga kelihatan tenang semasa pengumuman itu.

Sebelum pengumuman dibuat, Senator Datuk Sulaiman Nizam Shah menasihatkan perwakilan terutama penyokong kedua belah pihak supaya bertenang bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Datuk Sulaiman juga mengisytiharkan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Presiden UMNO yang kelima.

Datuk Musa berkrar akan berusaha menjadikan UMNO lebih padu bagi menentang musuh-musuh negara dan parti yang sentiasa mencari kesempitan.

Bercakap kepada para pemberita selepas kemenangannya di sini petang ini, Datuk Musa mengingatkan bahaya yang akan menimpa sekiranya berlaku pergeseran dalam parti dan Kerajaan.

"Saya menganggap kemenangan saya sebagai satu tanggungjawab dan amanah yang amat berat."

Sementara itu, Datuk Sulaiman terpilih semula sebagai Pengerusi Tetap mengalahkan enam tokoh lain dengan mendapat jumlah undi 734, termasuk kedua Enock Melan Abdullah (304), Raja Datuk Nongchik Isahak (93), Enock Azman Atar bin Othman (29), Haji Megat Zainuddin Megat Ahmad (23), Datuk Idris Mat Sili (23) dan Raja Dzukliffi Raja Bohan mendapat 30 undi.

Pengundian dimulakan pada jam 2.30 petang apabila perisidangan diaambung semula selepas upacara perasmian oleh Perdana Menteri, Datuk Hussein Oni, pagi tadi.

Pengundian dijalankan selama dua setengah jam dimulakan oleh Bahagian Grek dan ahli-ahli MT mengundi di peringkat akhir sekali.

Pengundian dilakukan serentak untuk tiga jawatan — Pengerusi Tetap, Timbalan Presiden dan tiga Naib Presiden.

Pengerusi Tetap dan Timbalannya tidak mengundi.

Datuk Musa Hitam dilahirkan di Johor pada 18 April, 1924. Beliau mendapat pendidikan di English College, Johor Baru dan melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya dalam pengajian sejarah dan geografi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri IR 015
No. Penerimaan 3831 / 81